

## PENAHANAN OPERASI KELENGKAPAN PREMIS KITAR SEMULA BARANGAN LUSUH DI KAWASAN PERINDUSTRIAN BUKIT RAMBAI, MELAKA

12 Oktober 2021, BUKIT RAMBAI – Jabatan Alam Sekitar Negeri Melaka telah menjalankan Penahanan Operasi Kelengkapan (POK) sebuah premis yang menjalankan aktiviti pengasingan dan cucian sisa-sisa bahan buangan elektronik, kod buangan SW110 di Jalan PBR 14, Kawasan Perindustrian Bukit Rambai, Melaka.

Penahanan Operasi Kelengkapan di bawah Seksyen 38, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 ini melibatkan satu (1) unit mesin penggetar dan satu (1) unit mesin cucian yang telah beroperasi selama seminggu.

Siasatan dijalankan di bawah Seksyen 18, 34A & 34B, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 atas kesalahan beroperasi tanpa lesen premis yang ditetapkan (PYDT), kelulusan laporan Penilaian Kesan Alam Sekeliling (EIA) dan menempatkan buangan terjadual tanpa mendapat kelulusan Ketua Pengarah Alam Sekeliling.

Hadir sama semasa siasatan adalah Pengarah Jabatan Alam Sekitar Negeri Melaka, Tuan Rosli Bin Haji Osman.

Orang ramai diminta untuk membantu Jabatan Alam Sekitar dengan melaporkan sebarang aktiviti yang mencemarkan alam sekitar di talian bebas tol 1-800-88-2727 atau email ke [aduan\\_k@doe.gov.my](mailto:aduan_k@doe.gov.my) dan melalui portal e-aduan JAS di <https://eaduan.doe.gov.my>.

#KementerianAlamSekitarDanAir

#jabatanalamsekitar

#alamsekitartanggungjawabbersama

#jasnegerimelaka